

## Air Pasang Tidak Menjadi Penghalang Peniaga Untuk Berniaga

Oleh : Nur Liyana Binti Abd Rahman (1180266)



Air mula naik sehingga paras buku lali kira-kira jam 3.30 petang di kawasan Pantai Kuala Matu.

KUALA MATU: Fenomena air pasang menyebabkan sebahagian kawasan rendah terutama berhampiran laut di Kuala Matu dinaiki air pada 22 November lalu.

Fenomena itu tidak menghalang segelintir peniaga untuk berniaga kerana keadaan masih terkawal dan dianggap biasa oleh penduduk sekitar kawasan tersebut.

Peniaga kedai makan, Haida Binti Bunyau ,50 , berkata air mula naik sehingga paras buku lali kira-kira jam 3.30 petang dengan begitu cepat.

“Bila keadaan ini berlaku ada juga pelanggan yang tidak peduli dan tetap datang ke sini. Nasib baik barangan serta makanan sempat dialihkan ke tempat yang lebih selamat dan tinggi. Barang-barang yang dapat membahayakan keselamatan pelanggan kami memang akan

letak tempat tinggi seperti suis elektrik. Kerana air pasang bila-bila masa boleh berlaku dengan cepat.

“ Ramai pelanggan tetap terus menikmati makanan walaupun kaki terendam didalam air,” katanya.



Benteng pemecah ombak runtuh akibat dihempas ombak

Sementara itu seorang peniaga, Nurul Athirah Binti Isa, 22, berkata keadaan air pasang dan ombak besar pada tahun ini adalah keadaan paling teruk berlaku berbanding pada musim tengkujuh tahun-tahun sebelum ini.

“Pada mulanya, saya agak terkejut kerana air naik dengan begitu cepat, tidak pernah sebelum ini berlaku kejadian seperti ini di mana tempat berniaga kami ditenggelami air, kerana tidak sampai lima minit air sudah naik sehingga mencecah buku lali,” katanya.

Selain air pasang di kawasan rendah berhampiran laut, fenomena itu turut menyebabkan benteng pemecah ombak turut runtuh. Namun, kejadian ini tidak menjejaskan keadaan penduduk berhampiran pantai tersebut kerana hanya berlaku limpahan kecil sahaja.